

Abcde binti Pqrst

Lwn. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Terengganu

[Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman, Terengganu.

Kes Jenayah Bil: 11004-143-01XX-20XX (Tuan Haji Mohd Fakhruddin Bin Yusof, HMRS)

Pada tarikh,00 Jamadil awal 14XX bersamaan pada 00 Januari 20XX]

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Terengganu) 2001- Seksyen.31(b) – Khalwat –

Seksyen.68- Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001- Seksyen 17. Iqrar ditakrifkan.

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001- Seksyen 129. Pesalah kali pertama

Hakim Syarie	:	Tuan Haji Mohd Fakhruddin Bin Yusof (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman)
Ketua Pendakwa Syarie:	:	Tuan Haji Mustafa bin Hamzah (Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu)
Tertuduh	:	Abcde binti Pqrst, KP: 000011-11-50XX
Peguam Syarie	:	Tiada

Fakta kes

Kes ini dibawa oleh Ketua Pendakwa Syarie Negeri Terengganu(KPS) sendiri pada 00 Oktober 20XX, akan tetapi Orang Kena Tuduh(OKT) gagal hadir semasa pembacaan pertuduhan kepadanya. KPS memohon Waran Tangkap(WT) dan Notis Kepada Penjamin(NKP) dikeluarkan kepada OKT kerana gagal hadir tanpa sebab munasabah. Hakim Syarie(HS) meluluskan permohonan KPS. Pada 00 Januari 20XX, OKT hadir secara serah diri ke Mahkamah, KPS memohon dibacakan pertuduhan kepada OKT iaitu:

“bahawa kamu pada tarikh 00.7.20XX, jam lebih kurang 1.15 tengah malam, didapati berada Bersama dengan seorang lelaki yang bukannya suami kamu atau mahram kamu iaitu Jsjs bin Momomo,KP:888888-11-9999, bertempat di dalam sebuah bilik No.999, Kerteh Damansara Inn, 24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu yang mana pada ketika itu keadaan tersebut boleh menimbulkan syak bahawa kamu sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan khalwat di bawah Seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Takzir)(Terengganu) 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.”

Selepas dibacakan pertuduhan kepada OKT, OKT ditanya oleh Pegawai Mahkamah(PM), samada faham dengan kata-kata tuduhan, faham dengan kesan dan akibat daripada tuduhan ini, adakah OKT ingin mengaku bersalah atau tidak, adakah OKT ingin melantik Peguam Syarie(PS) untuk keadilan OKT, adakah OKT tahu sekiranya OKT mengaku bersalah OKT tidak boleh membuat rayuan menukar pengakuan salah tersebut rayuan hanyalah mengenai takat hukuman sahaja, adakah OKT mengaku bersalah secara sukarela atau dipaksa, adakah OKT mengaku bersalah secara sedar, waras dan sihat, dan sekiranya OKT mengetahui semua perkara ini, adakah ingin mengekalkan pengakuan salah atau ingin lawan bicara.

OKT selepas ditanya oleh PM mengenai hal tersebut, menjelaskan bahawa telah secara sedar, waras dan sihat membuat pengakuan bersalah, mengaku bersalah secara sukarela tanpa ada paksaan mana-mana pihak, tidak muhul mendapatkan khidmat PS, tahu akan kesan dan akibat daripada pengakuan salah tersebut iaitu boleh dihukum dengan hukuman penjara tidak melebihi 2 tahun penjara, atau didenda tidak melebihi RM3,000 ringgit atau kedua-duanya sekali. OKT menyatakan bahawa kata-kata tuduhan tersebut adalah benar tiada takwilan dan pembetulan, mengekalkan pengakuan salah dan bersedia dihukum.

Selepas mana mendengar pengakuan(*iqrar*) daripada OKT, HS merekodkan terlebih dahulu pengakuan bersalah OKT bersalah seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Akan tuduhan melakukan kesalahan di bawah seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Terengganu) 2001.

KPS seterusnya memohon supaya membacakan fakta kes yang ditender sebagai ‘P1’ iaitu:

“Bertindak atas maklumat, pengadu bersama beberapa orang rakan setugas telah membuat serbuan berwaran pada 00.7.20XX, ke atas sebuah bilik No.999, Kerteh Damansara Inn, 24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu. Lebih kurang jam 1.15 pagi, pengadu telah berada di hadapan bilik. Keadaan pintu bilik tertutup dan berkunci. Pengadu bertindak mengetuk pintu serta

memberi salam. Lebih kurang 5 minit, pintu dibuka dari dalam oleh seorang lelaki. Pengadu memperkenalkan diri dan meminta izin masuk untuk melakukan pemeriksaan. Hasil pemeriksaan mendapati ada seorang perempuan sedang berada di dalam bilik tersebut. Soal siasat yang dilakukan, pengadu dapati mereka berdua tiada hubungan suami isteri atau mahram”

Keterangan diri mereka sebagaimana berikut:

Nama Lelaki: Jsjs bin Momomo, KP:888888-11-9999, Umur: 23 tahun

Alamat: No.00, Rumah Kos Rendah, Bandar Ketengah Jaya, 23300 Dungun, Terengganu

Pekerjaan: Tiada Status: Belum Berkahwin

Nama Perempuan: Abcde binti Pqrst, KP: 000011-11-50XX, Umur: 23 tahun

Alamat: 999, Taman Wan Adnan, Kerteh, 24300, Kemaman, Terengganu

Pekerjaan: Jurujual, Status: Janda

Oleh yang demikian, mereka ditangkap untuk dihadapkan ke Mahkamah atas tuduhan melakukan khalwat di bawah seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Takzir)(Terengganu)2001.

Seterusnya, HS menanyakan sekali lagi kepada OKT mengenai ‘P1’ tersebut. Samada OKT memahaminya, bersetuju dengan ‘P1’, adakah selepas dibentangkan ‘P1’ ini, OKT masih ingin mengekalkan pengakuan salah OKT, adakah OKT masih ingin mengaku bersalah atau ingin lawan bicara.

OKT menyatakan bahawa dia bersetuju dengan semua keterangan di dalam ‘P1’ adalah benar dan tidak pembetulan dan kesilapan. OKT menyatakan bahawa dia ingin mengekalkan pengakuan bersalahnya di dalam Mahkamah pada hari ini. OKT menyatakan bahawa dia mengetahui kesan, akibat dan bersedia dengan hukuman daripada Mahkamah.

Setelah mana mendapati bahawa OKT ini benar-benar boleh untuk diambil keterangan secara (*iqrar*) pengakuan salah OKT. HS menerima akan (*iqrar*) pengakuan salah OKT untuk disabitkan bersalah atas tuduhan ke atasnya. HS berpuas hati bahawa (*iqrar*) pengakuan salah OKT memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan di dalam seksyen 17 dan 18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah(Terengganu)2001. Maka membaca pensabitan bersalah OKT iaitu:

“SAYA MENSABITKAN OKT, Abcde binti Pqrst, KP: 000011-11-50XX, bersalah di bawah seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Takzir)(Terengganu) 2001, atas melakukan kesalahan khalwat berdasarkan (*iqrar*) pengakuan salah OKT sendiri, dan OKT tidak boleh

membuat rayuan untuk menarik balik (*iqrar*) pengakuan salah OKT, rayuan hanyalah takat hukuman sahaja ”

Seterusnya HS memberi ruang dan peluang kepada OKT untuk mengemukakan rayuan. OKT menyatakan bahawa dia hanya ingin membuat rayuan secara lisan sahaja pada hari ini juga. HS membenarkan OKT mengemukakan rayuannya iaitu:

“Rayuan OKT:

1. saya pohon diringankan hukuman denda.
2. Saya pohon dikecualikan hukuman penjara.
3. Saya pohon tidak dihantar ke pusat pemulihan.
4. Saya menamatkan rayuan saya pada hari ini dan pohon dibacakan hukuman ke atas saya pada hari ini.”

HS menanyakan lagi adalah kamu OKT benar-benar berpuas hati dengan rayuan kamu, HS memberi ruang dan peluang kepada kamu untuk menangguhkan pada hari yang lain supaya kamu dapat bersungguh-sungguh membuat rayuan dan Mahkamah boleh untuk mempertimbangkan akannya. OKT menyatakan bahawa dia tidak mahu lagi menambah rayuan dan bersedia dijatuhkan hukuman.

Seterusnya KPS memohon untuk menyatakan hujahan faktor pemberatan kepada OKT untuk Mahkamah mempertimbangkan hukuman kepada OKT:

“Faktor pemberatan KPS:

1. Adalah perbuatan OKT melanggar undang-undang dan hukum syarak ini merupakan satu tindakan yang melampau dan kesalahan yang amat berat lagi serius.
2. OKT telah secara sengaja melanggar ketetapan hukum syarak supaya tidak mendekati perbuatan zina sepertimana yang diperintahkan oleh Allah SWT di dalam surah al-Isra’, ayat 32, menyatakan bahawa:

وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَى إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا

Yang bermaksud: “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang amat keji dan satu jalan yang amat jahat”

3. Juga menyatakan bahawa larangan ini di tegah oleh Nabi SAW menyatakan bahawa:

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِإِمْرَأَةٍ إِلَّا كَانَ ثَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ

Yang bermaksud:"Tidaklah sekali-kali seorang lelaki berkhawat dengan seorang wanita, melainkan yang ketiganya adalah syaitan(yang direjam dan dilaknat)."

4. Adalah tindakan OKT sengaja masuk ke dalam bilik hotel bersama seorang lelaki adalah mengundang kepada perbuatan maksiat dan amalan syaitan
5. Adalah tindakan OKT sengaja berdua-dua dengan seorang lelaki di dalam sebuah bilik hotel yang mana tangkapan di waktu lewat malam menimbulkan syak melakukan satu perbuatan yang tidak bermoral.
6. Adalah memohon kepada Mahkamah supaya mengenakan hukuman yang seserius yang mungkin bagi memberi pengajaran dan teladan kepada OKT bahkan kepada masyarakat agar gerun dan takut untuk melakukan perbuatan maksiat dan dosa besar ini.
7. Adalah sekiranya dilihat kepada kesalahan ini semakin menular dan semakin bertambah bahkan seolah-olah masyarakat dan muda-mudi tidak merasa malu dan gerun untuk tidak melakukan maksiat dan kesalahan ini.
8. Sekiranya tidak diberi pemberatan hukuman kepada OKT, akan mengakibatkan pandangan masyarakat tidak takut dan gerun untuk menghampiri perbuatan khalwat ini, kerana sekiranya tidak dibendung akan menjadi masalah yang lebih parah dan serius seperti kelahiran anak tidak sah taraf semakin meningkat, masalah pembuangan bayi yang tidak bersalah di merata-rata tempat, kesan daripada itu menjadikan manusia boleh melakukan pembunuhan kepada bayi-bayi kerana untuk menutup aib dan malu mereka yang kesan daripada tidak dibendung perbuatan menghampiri zina ini. Ada bayi yang dibuang di tong-tong sampah, ada yang dicampak dari tempat yang tinggi, ada yang ditinggalkan disemak samun dimamah dan dimakan oleh anjing-anjing liar. Itulah hakikat sekiranya tidak mengenakan hukuman berat kepada pelaku maksiat ini.
9. Akhir sekali memohon kepada Mahkamah yang mulia supaya dijatuhkan hukuman yang cukup-cukup berat dan dapat memberi kesan peringatan, pendoman dan pengajaran kepada OKT bahkan seluruh masyarakat.

Diputuskan

Setelah mendengar keterangan yang diberikan beserta hujahan lisan antara KPS dan OKT, **MAKA PADA HARI INI TUAN HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH-PERINTAH SEPERTI BERIKUT:-**

- (1) **SAYA SABIT**, OKT, Abcde binti Pqrst, KP:000011-11-50XX, bersalah di bawah seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Terengganu) 2001, atas melakukan kesalahan Khalwat berdasarkan *iqrar* pengakuan salah OKT sendiri.
- (2) **SAYA HUKUM**, OKT, Abcde binti Pqrst, KP:000011-11-50XX, ditahan di pusat pemulihan wanita, di Sabak Bernam, Selangor, selama tempoh 4(empat) bulan.
- (3) **SAYA PERINTAHKAN**, hukuman tahanan ke atas OKT, Abcde binti Pqrst, KP:000011-11-50XX, dikuatkuasakan pada hari ini.
- (4) **SAYA PERINTAHKAN**, penjagaan dan penghantaran ke atas OKT, Abcde binti Pqrst, KP:000011-11-50XX, di bawah jagaan Pegawai Penguasa Syariah Daerah Kemaman.

Al- Quran

1. Surah an-Nisa' : 23, 135
2. Surah al-Isra' : 32
3. Surah al-Ahzab : 36, 57
4. Surah al-Nur :2, 24

Hadith

1. Sahih al-Bukhari (2844) Sahih Muslim(1341)
2. Sahih al-Bukhari (4552) Sahih Muslim (1711)
3. Sahih al-Baihaki (252/10)
4. Sahih Tarmizi

Undang-undang yang dirujuk

1. Perlembagaan Malaysia, Perkara 121
2. Perlembagaan Persekutuan -Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri.

3. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001
4. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001.
5. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.
6. Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001

Kitab-kitab yang dirujuk

1. Ahmad as-Syarbiniy al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, Maktabah al-Taufiqiah, Mesir, 2000.
2. Muhammad Salam Madkur, *al-Qada' fi al Islam*, Matba'ah al-'Aalamiyah, Kaherah, 1964
3. Al-'Allamah Abi Bakr Othman bin Muhammad Shatta al-Dumyati, *I'aanah al-Thalibin*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
4. Dr Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, Damsyik, 2004.
5. Dr Abdul Qadir Audah, *al-Tasyri' al-Jinaie al-Islami: Muqaran bi al-Qanun al-Wadhie*
6. Al-'Allamah Sayyid 'Abdur Rahman bin Muhammad bin Husain bin 'Umar Ba 'Alawi al-Hadrami, *Bughyah al-Mustarsyidin fi Talkhish Fatawa Ba'dh al-Aimmah al-Muta-akhkhirin*, Dar al-Kutub Ilmiyyah, Edt 5, 2016.
7. Dr. Abdul Aziz Aamir, *At-Takzir fi al-Syariah al-Islamiah*. tt
8. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abd Rahman (Mantan Ketua Hakim Syari'e Malaysia), *Proses penghakiman dan menjatuhkan keputusan di Mahkamah Syariah : satu penilaian*, JH XIX/II (1426H) 189.
9. Dr.Zulfakar Ramle, *Undang-undang Keterangan Di Dalam Pembuktian Di Mahkamah Syariah*, JH(2015), Bhg 2, hlm.163
10. Dr Hj Mat Saad Abd Rahman, *Isu-Isu Dalam Masyarakat Islam Malaysia*, iBook Publication, Kuala Lumpur, 2008.

Kes-kes yang dirujuk

1. *Pendakwa Syarie Negeri Selangor lwn Mohd Nasir bin Azmi* [2016] 42(2) JH 296
2. *Mohd Ibrahim bin Mohd Shariff lwn Pendakwa Syarie Pulau Pinang* [1999] JH 13(2) JH 185
3. *Pendakwa Syarie lwn Jalil bin Embong dan Zaliha binti Endut* [1992] 8(1) JH 99

Alasan Penghakiman Tuan Haji Mohd Fakhruddin bin Yusof, HMRS

[1] Bagi menjelaskan alas an penghakiman kepada OKT, ia merujuk kepada beberapa persoalan iaitu:

- (a) Bagaimana HS menentukan prosiding pertuduhan ke atas OKT bertepatan menurut undang-undang dan hukum syarak?

- (b) Bagaimana HS mentafsirkan pertuduhan ke atas OKT bertepatan menurut undang-undang dan hukum syarak?
- (c) Bagaimanakah HS mensabitkan bersalahnya seseorang OKT bertepatan menurut undang-undang dan hukum syarak?
- (d) Bagaimanakah HS menentukan ukuran, kadar dan pilihan hukuman ke atas OKT bertepatan menurut undang-undang dan hukum syarak?

[2] Bagi menjawap persoalan “*Bagaimana HS menentukan prosiding pertuduhan ke atas OKT bertepatan menurut undang-undang dan hukum syarak?*”.OKT hadir ke Mahkamah secara serah diri kerana pada sebutan yang lepas gagal hadir tanpa sebab dan alas an munasabah sehingga WT dan NKP dikeluarkan. KPS telah memohon PM membacakan kata-kata tuduhan ke atas OKT iaitu:

““bahawa kamu pada tarikh 00.7.20XX, jam lebih kurang 1.15 tengah malam, didapati berada Bersama dengan seorang lelaki yang bukannya suami kamu atau mahram kamu iaitu Jsjs bin Momomo,KP:888888-11-9999, bertempat di dalam sebuah bilik No.999, Kerteh Damansara Inn, 24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu yang mana pada ketika itu keadaan tersebut boleh menimbulkan syak bahawa kamu sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan khalwat di bawah Seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Takzir)(Terengganu) 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.”

[3] Oleh kerana Mahkamah ini berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini berdasarkan kepada peruntukan seksyen 11 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 dan hendaklah di baca bersama dengan seksyen 12 Enakmen yang sama iaitu:

Subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

- (a) Dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuatkuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Subseksyen 12 (2) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Rendah Syariah hendaklah –

- (a) Dalam bidang **kuasa jenayahnya**, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuatkuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

[4] Oleh kerana OKT ditangkap akan melakukakan kesalahan khalwat ini yang “*bertempat di dalam sebuah bilik No.999, Kerteh Damansara Inn, 24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu*”, maka Mahkamah juga sekali lagi menyatakan adalah Mahkamah ini berbidang kuasa untuk mendengar, dan members pertuduhan ke atas OKT sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 7 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah(Terengganu)2001 iaitu:-

Seksyen 7. Bidang kuasa jenayah Hakim.

Tertakluk kepada Enakmen ini, tiap-tiap Hakim hendaklah mengambil perhatian dan mempunyai kuasa untuk-

- (a) mendengar, membicarakan, memutuskan dan membereskan pendakwaan bagi kesalahan yang dilakukan keseluruhannya atau sebahagiannya di dalam bidang kuasa tempatan Hakim itu dan yang boleh diambil perhatian oleh Hakim itu;
- (b) menyiasat aduan tentang kesalahan dan memanggil dan memeriksa saksi mengenai kesalahan itu dan menyaman dan menangkap dan mengeluarkan waran bagi penangkapan penjenayah dan pesalah dan memperlakukan mereka mengikut undang-undang;
- (c) mengeluarkan waran untuk menggeledah atau menyebabkan digeledah tempat yang di dalamnya apa-apa barang atau benda yang dengannya atau yang mengenainya apa-apa kesalahan telah dilakukan dikatakan ada disimpan atau disembunyikan;
- (d) menghendaki orang memberikan jaminan supaya mereka berkelakuan baik mengikut undang-undang; dan
- (e) melakukan segala perkara dan benda lain yang seseorang Hakim diberi kuasa untuk melakukannya oleh mana-mana undang-undang bertulis.

[5] Selain itu juga, Mahkamah ini merujuk kepada seksyen 67. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 iaitu:-

Seksyen 67. Tempat biasa bagi perbicaraan.

Tiap-tiap kesalahan hendaklah pada lazimnya dibicarakan oleh Mahkamah yang di dalam had bidang kuasa tempatannya kesalahan itu telah dilakukan.

[6] Manakala berdasarkan kepada hukum syarak, adalah penghususan bidangkuasa ke atas seseorang Hakim Syarie yang dilantik oleh Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Pemerintah di Negeri Jajahan Takluknya iaitu Negeri Terengganu kepada Hakim Syarie di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman, Terengganu boleh sebagai wakil Y.A.M Sultan setelah mana diberi tauliah perlantikan menjalankan tugas-tugas sebagai Hakim Syarie yang mempunyai setakat bidang kuasa yang diberikan kepadanya, ia juga berdasarkan kepada apa yang dinyatakan oleh teks Syariah, karangan Muhammad Salam Madkur, al-Qada' fi al Islam, Matba'ah al-'Aalamiyah, Kaherah, 1964 menyatakan bahawa:-

هو أن يخصص ولي الأمر القاضي عند تقليده القضاء أو بعد ذلك بنوع معين من القضايا ، كالحالات الشخصية ، أو المدني ، أو التجارى ، أو الجنائي إلى غير ذلك ، فلا يصح له أن ينظر في نوع آخر غيره

Terjemahannya:-

“Bidang kuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidangkuasa ke atas seseorang hakim semasa perlantikan hakim itu atau selepas perlantikan di buat dengan menentukan bahawa hakim itu mempunyai bidang kuasa tertentu sahaja seperti diberi bidang kuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh yang demikian, Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang ianya diberi bidang kuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa yang tidak diberi kepadanya”.

[7] Setelah mana Mahkamah ini berpuas hati bahawa OKT ini layak untuk dibacakan pertuduhan, menjalani prosiding pendakwaan ke atas OKT sehingga selesai barulah Mahkamah membenarkan prosiding pendakwaan daripada pihak Pendakwa Syarie untuk mendakwa OKT sebagaimana konsep pendakwaan di dalam hadis Nabi SAW menyatakan bahawa :-

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا؛ أَنَّ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: { "لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لَادْعَى نَاسٌ بِمَاءِ رِجَالٍ، وَأَمْوَالَهُمْ، وَلَكِنَ الْيَمِينُ عَلَى الْمُدَعَّى عَلَيْهِ" } مُتَّقِّعٌ عَلَيْهِ ، وَلِلْبَيِّنَةِ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ: { "الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدَعَّى، وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ" } .

Terjemahannya:

“Daripada Ibnu Abbas RA, daripada Nabi SAW berkata: {sekiranya membiar manusia boleh mendakwa, maka akan mendakwa seseorang untuk darah manusia(until hak bunuh) atau harta manusia, akan tetapi beban sumpah terhadap orang yang didakwa} dalam riyawat yang lain{beban pembuktian bagi orang yang mendakwa dan beban sumpah bagi orang yang mengingkari}”

[8] Sebagaimana juga diperuntukkan di dalam seksyen 96 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001, menjelaskan hal prosiding pertuduhan ke atas OKT iaitu:

Seksyen 96. Tatacara dalam perbicaraan.

Tatacara yang berikut hendaklah diikuti oleh Hakim dalam perbicaraan:

(a) apabila tertuduh hadir atau dibawa ke hadapan Mahkamah, maka pertuduhan yang mengandungi butir-butir kesalahan yang dia dituduh melakukannya itu hendaklah dibentuk, dibaca dan dijelaskan kepadanya, dan dia hendaklah ditanya sama ada dia bersalah atas kesalahan yang dipertuduh itu atau meminta dibicarakan;

(b) jika tertuduh mengaku bersalah atas sesuatu pertuduhan, sama ada atas pertuduhan asal atau yang dipinda, akuan itu hendaklah direkodkan dan dia boleh disabitkan atas kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa sebelum suatu akuan bersalah direkodkan, Mahkamah hendaklah menentukan bahawa tertuduh memahami sifat dan akibat daripada akuannya itu dan dia bermiat untuk mengakui, tanpa bersyarat, kesalahan yang dikatakan terhadapnya itu;

(c) jika tertuduh enggan membuat akuan atau tidak membuat akuan atau meminta dibicarkan, Mahkamah hendaklah mendengar pengadu, jika ada, dan mengambil segala keterangan yang dikemukakan bagi menyokong pendakwaan itu;

(d) apabila difikirkannya perlu, Mahkamah hendaklah memperoleh daripada pengadu atau selainnya nama mana-mana orang yang berkemungkinan mengetahui fakta kes itu dan dapat memberikan keterangan bagi pihak pendakwaan, dan hendaklah memanggil mana-mana daripada mereka, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Mahkamah, untuk memberikan keterangan di hadapannya;

(e) tertuduh atau Peguam Syarienis hendaklah dibenarkan memeriksa balas semua saksi bagi pihak pendakwaan melalui Hakim;

(f) jika, selepas mengambil segala keterangan yang disebut dalam perenggan (c), (d) dan (e), Mahkamah mendapati bahawa tiada kes terhadap tertuduh telah diwujudkan yang jika tak dipatahkan akan mewajarkan sabitannya, maka Mahkamah hendaklah merekodkan perintah pembebasan;

(g) tiada apa-apa jua dalam perenggan (f) boleh disifatkan sebagai menghalang Mahkamah daripada melepaskan tertuduh pada mana-mana peringkat terdahulu dalam kes itu jika bagi sebab-sebab yang hendaklah direkodkan oleh Mahkamah ia berpendapat pertuduhan itu tidak berasas;

(h) jika, apabila keterangan itu telah diambil, Mahkamah berpendapat bahawa ada alasan untuk menganggap bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan yang dipertuduh itu atau kesalahan lain yang Mahkamah itu kompeten untuk membicarakannya dan yang pada pendapatnya patut dibicarakannya, ia hendaklah menimbangkan pertuduhan yang direkodkan terhadap tertuduh dan memutuskan sama ada pertuduhan itu mencukupi dan, jika perlu, hendaklah meminda pertuduhan itu;

(i) pertuduhan itu jika dipinda hendaklah dibacakan kepada tertuduh sebagaimana yang dipinda dan dia hendaklah ditanya semula sama ada dia bersalah atau ada apa-apa pembelaan yang hendak dibuat;

(j) jika tertuduh tidak mengaku salah kepada pertuduhan itu sebagaimana yang dipinda atau jika tiada pindaan dibuat, tertuduh hendaklah dipanggil untuk membuat pembelaannya dan mengemukakan keterangannya, dan hendaklah pada bila-bila masa apabila dia membuat pembelaannya dibenarkan untuk memanggil semula dan memeriksa balas mana-mana saksi melalui Hakim;

(k) jika tertuduh mengemukakan apa-apa pernyataan bertulis, Mahkamah hendaklah memfailkannya bersama-sama dengan rekod;

- (l) jika tertuduh memohon kepada Mahkamah supaya dikeluarkan saman bagi memaksa kehadiran mana-mana saksi, sama ada dia telah atau belum diperiksa dalam kes itu, bagi maksud pemeriksaan atau pemeriksaan balas atau pengemukaan apa-apa dokumen atau benda lain, Mahkamah hendaklah mengeluarkan saman melainkan jika ia berpendapat bahawa permohonan itu patut ditolak atas alasan bahawa ia dibuat bagi maksud menyusahkan atau melengahkan atau bagi menggagalkan matlamat keadilan; dan alasan sedemikian hendaklah direkodkannya secara bertulis;
- (m) (i) jika Mahkamah mendapati tertuduh tidak bersalah Mahkamah hendaklah merekodkan perintah pembebasan;
- (ii) jika Mahkamah mendapati tertuduh bersalah atau jika akuan bersalah telah direkodkan dan diterima, Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang;
- (n) apabila prosiding telah dimulakan atas aduan seseorang yang dibuat dengan sumpah di bawah seksyen 74 dan pada mana-mana hari yang ditetapkan bagi pendengaran kes itu pengadu itu tidak hadir, Mahkamah boleh, menurut budi bicaranya, walau apapun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini, melepaskan tertuduh.

[9] Bagi menjawab persoalan kedua “*Bagaimana HS mentafsirkan pertuduhan ke atas OKT bertepatan menurut undang-undang dan hukum syarak?*” OKT di dalam kes ini telah dipertuduhkan melakukan satu kesalahan sebagaimana tuduhan ke atasnya “*bahawa kamu pada tarikh 00.7.20XX, jam lebih kurang 1.15 tengah malam, didapati berada Bersama dengan seorang lelaki yang bukannya suami kamu atau mahram kamu iaitu Jsjs bin Momomo,KP:888888-11-9999, bertempat di dalam sebuah bilik No.999, Kerteh Damansara Inn, 24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu yang mana pada ketika itu keadaan tersebut boleh menimbulkan syak bahawa kamu sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral...*” oleh yang demikian OKT telah dipertuduhkan di bawah seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 iaitu:

Seksyen 31. Khalwat.

Mana-mana-

- (a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya; atau
- (b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya,

di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

[10] Perbuatan yang dipertuduhkan oleh OKT ini atas dakwaan melakukan perbuatan khalwat di bawah seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. Ia memberi isu iaitu:

- (a) Siapakah Orang Yang Disyaki(OYDS) bagi kesalahan ini?
- (b) Apakah hubungan OYDS bagi kesalahan ini?
- (c) Apakah tempat pelaku OYDS boleh diklasifikasi sebagai satu ukuran bagi kesalahan ini?
- (d) Apakah tahap penilaian ‘syak’ bagi kesalahan ini?
- (e) Apakah dimaksudkan melakukan perbuatan tidak bermoral bagi kesalahan ini?

[11] Bagi menjawab isu “**Siapakah Orang Yang Disyaki(OYDS) bagi kesalahan ini?**” . Mahkamah menyatakan bahawa Mahkamah Syariah hanya berbidang kuasa kepada orang Islam sahaja. Ia berdasarkan kepada peruntukan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 ‘ Senarai Negeri, dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan;

1. Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi **orang yang menganut ugama Islam**, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat ugama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian ugama Islam dan Khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil ugama yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut ugama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan cara **bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut ugama Islam** dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mermpunyai **bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan** kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut ugama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.

[12] Selain itu juga, orang Islam yang melakukan kesalahan ini hendaklah dibicarakan di Mahkamah Syariah sebagaimana peruntukan di dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara 121. Kuasa kehakiman Persekutuan iaitu:-

- (1) Maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya, iaitu--
 - (a) satu di Negeri-Negeri Tanah Melayu, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Malaya dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di Kuala Lumpur; dan

(b) satu di Negeri Sabah dan Sarawak, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di mana-mana tempat di Negeri Sabah dan Sarawak yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong;

(c) (Dimansuhkan),

dan mana-mana mahkamah bawahan yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan itu hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.

(1A) Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam **bidang kuasa mahkamah Syariah**.

[13] Merujuk kepada OKT yang bernama, Abcde binti Pqrst, KP: 000011-11-50XX, merupakan seorang wanita Islam, telah ditangkap dan dibawa ke Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman untuk dihadapkan pertuduhan ke atasnya, adalah menurut undang-undang dan hukum syarak.

[14] Bagi menjawab isu ke dua iaitu “*Apakah hubungan OYDS bagi kesalahan ini?*”. Selepas mana mendengar pertuduhan dan fakta kes ke atas OKT, HS menanyakan kepada OKT selepas dibentangkan fakta kes yang ditender sebagai ‘P1’, apakah hubungan OKT dengan lelaki yang bernama “Jsj bin Momomo, KP:888888-11-9999”. OKT menjawab dan mengaku bahawa tidak mempunyai hubungan yang halal dan sah ikatan dari segi hukum syarak dan undang-undang, bukan suami kepada OKT, bukan mempunyai hubungan mahram kepada OKT iaitu merujuk kepada orang-orang yang diharamkan berkahwin dengannya. Bahkan menyatakan bahawa lelaki yang bersama dengan OKT di dalam bilik hotel tersebut merupakan kekasih OKT.

[15] Merujuk kepada perbuatan OKT ini, didapati sengaja berdua-dua di dalam bilik hotel, yang mana lelaki yang bersama dengannya merupakan seorang yang boleh dinikahinya, maka adalah perbuatan OKT demikian merupakan satu perbuatan yang berdosa dan maksiat. Adalah telah digaris oleh Allah SWT satu sempadan dan aturan lelaki dan perempuan yang mahram atau sebaliknya sebagaimana di dalam al-Quran, surah an-Nisa, ayat 23 menyatakan:-

حَرَّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَائِكُمْ وَأَخْوَانَكُمْ وَعَمَائِكُمْ وَخَالَاتَكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخْ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمُ الَّذِي
أَرْضَعْتُكُمْ وَأَخْوَانَكُمْ مِنَ الرَّضَاعَةِ وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ وَرَبَائِيْكُمُ الَّذِي فِي حُجُورِكُمْ مِنْ نِسَائِكُمُ الَّذِي
دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَّنِيلٌ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَنْ تَجْمِعُوا
بَيْنَ الْأَخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ۝ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا

Yang bermaksud:

”Diharamkan atas kamu (mengawini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan, saudara-saudara bapakmu yang perempuan; saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang laki-laki; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan; ibu-ibumu yang menyusui kamu; saudara perempuan sepersusuan; ibu-ibu isterimu (mertua); anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan

isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), Maka tidak berdosa kamu mengawininya; (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu (menantu); dan menghimpunkan (dalam perkawinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau; Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

[16] Oleh yang demikian Mahkamah berpuas hati bahawa tuduhan ke atas OKT melakukan kesalahan berdua-duaan di dalam bilik hotel yang mana tidak mempunyai hubungan yang sah dari hukum syarak dan undang-undang adalah merupakan satu perbuatan yang salah dan jenayah yang boleh dipertuduhkan di hadapan HS.

[17] Bagi isu ketiga “*Apakah tempat pelaku OYDS boleh diklasifikasi sebagai satu ukuran bagi kesalahan ini?*” adalah berdasarkan kepada ‘P1’, menyatakan tempat OKT ditangkap iaitu:” .. telah membuat serbuan berwaran pada 00.7.20XX, ke atas sebuah bilik No.999, Kerteh Damansara Inn, 24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu. Lebih kurang jam 1.15 pagi, pengadu telah berada di hadapan bilik. Keadaan pintu bilik tertutup dan berkunci. Pengadu bertindak mengetuk pintu serta memberi salam. Lebih kurang 5 minit, pintu dibuka dari dalam oleh seorang lelaki. Pengadu memperkenalkan diri dan meminta izin masuk untuk melakukan pemeriksaan. Hasil pemeriksaan mendapati ada seorang perempuan sedang berada di dalam bilik tersebut. Soal siasat yang dilakukan, pengadu dapati mereka berdua tiada hubungan suami isteri atau mahram”...” Adalah tempat OKT ditangkap di dalam sebuah bilik Hotel yang mana melengkapkan lagi unsur kesalahan yang dipertuduhkan ke atas OKT dan menjadikan sebagai faktor pemberatan OKT secara sengaja dan menunjukkan bahawa tempat tersebut satu pemahaman yang serius kepada tuduhan ke atas OKT.

[18] Bahkan di dalam keterangan OKT, apabila ditanya oleh HS “*bagaimana kamu OKT boleh berada di dalam bilik hotel ini bersama dengan seorang lelaki yang tidak mempunyai hubungan mahram dengan kamu?*” OKT menyatakan bahawa “*saya akui bahawa memang saya lakukan secara sukalaera tanpa ada paksaan*”. Oleh kerana hal demikian, HS menyatakan bahawa sememangnya perbuatan dan tindakan OKT dan pasangannya ditangkap di dalam bilik hotel relevan dengan pertuduhan di bawah seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Takzir)(Terengganu)2001 iaitu menyatakan “*di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral*” .

[19] HS menyatakan lagi bahawa bagi menentu sahkan satu garis ketetapan untuk mengetahui sesuatu sempadan untuk diklasifikasikan tempat dengan kesalahan khalwat, bahkan apabila berdua-duaan antara lelaki dan perempuan yang tidak halal bersekedudukan di dalam tempat yang terselindung atau berkurung ia adalah satu perbuatan maksiat yang diharamkan dan mendapat dosa besar akan pelakunya, sebagaimana yang di dalam teks syarak, karangan Al-'Allamah Sayyid 'Abdur Rahman bin Muhammad bin Husain bin 'Umar Ba 'Alawi al-Hadhrami, *Bughyah al-Mustarsyidin fi Talkhish Fatawa Ba'dh al-Aimmah al-Muta-akhkhirin* menyatakan:-

إذا سكنت المرأة في إحدى حجرتين أو علو أو سفل أو دار و حجرة ، وأراد الرجل الأجنبي أن يسكن الآخر ، اشترط أن لا تتخذ المرافق كمطبخ و خلاء و بئر و ممر و سطح و مصعد له ، فإن اتحد واحد حرمت المساكنة لأنها حينئذ مظنة الخلوة المحرمة

Terjemahannya :

‘Apabila mendiami seorang perempuan pada salah satu dua bilik ataupun seorang duduk di atas atau di bawah, atau dalam satu rumah atau dalam satu bilik. Dan berkehendak seorang lelaki ajnabi untuk mendiami salah satu bilik, disyaratkan tidak bersatu tempat laluan seperti satu dapur, satu tandas, satu perigi (tempat ambik air), satu tempat laluan,satu beranda, satu tangga. Jika mempunyai bersatu , haram tinggal bersama kerana kerana ketika itu tempat boleh berlaku khalwat yang diharamkan.’

[20] Oleh yang demikian, faktor tempat tangkapan ke atas OKT bersama dengan pasangannya merupakan satu anggapan yang boleh melengkapkan perbuatan tersebut merupakan satu kesalahan menurut undang-undang dan hukum syarak.

[21] Bagi isu keempat “**Apakah tahap penilaian ‘syak’ bagi kesalahan ini?**” Di dalam menjelaskan perkara ini, perlu diketahui bahawa penilian ini dinamakan sebagai darjah penilaian seseorang akan kepercayaan dalam fikiran. Ia terdapat 4 darjah kepercayaan iaitu, *wahn*, *syak*, *zhan* dan *yakin*. *Wahn* bermaksud berkemungkinan sesuatu perkara tersebut,boleh dipercayai tidak berlaku. *Syak* pula bermaksud berkemungkinan sesuatu perkara tersebut,boleh dipercayai benar, atau boleh tidak benar. Sekiranya maklumat ini dibicarakan, maka ia boleh memberi kesan untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada Mahkamah menentukan samada ada kes, atau tidak(*prima facie*). Manakala *Zahn* bermaksud hampir yakin sesuatu perkara tersebut, boleh dipercayai benar berlaku. Manakala *Yakin* pula bermakud yakin sepenuhnya sesuatu perkara tersebut dipercayai benar berlaku. Mahkamah merujuk kepada karangan Dr.Zulfakar Ramle, *Undang-undang Keterangan Di Dalam Pembuktian Di Mahkamah Syariah*, JH(2015), Bhg 2, hlm.163 menyatakan bahawa;

Dalam kes jenayah Hudud yang mewajarkan hukuman hudud seperti yang diperuntukkan dalam Enekmen Kesalahan Jenayah II 1993 Kelantan dan Enekmen Kesalahan Jenayah(Hudud&Qisas)200 Terengganu, tahap pembuktian seperti yang disepakati oleh para ulama ialah al-Yakin.....Pada peringkat membuktikan prima facie kes takzir pula disarankan adalahsetakat zhan al-ghalib sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 47 Enekmen Kanun Kesalahan Jenayah II Kelantan, adalah pada tahap zhan alghalib atau bahasa perundangan sivil ’melampaui keraguan yang munasabah’. Begitu juga pada peringkat membuktikan prima facie kes disarankan agar tahap yang perlu hanyalah setakat dhan atau bahasa perundangan sivil ’imbangan dua kebarangkalian’.

[22] Oleh yang demikian, berdasarkan kepada pertuduhan ke atas OKT ini, pihak pendakwaan boleh membawa kes pertuduhan ke atas OKT atas tuduhan di bawah seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Takzir) (Terengganu) 2001, atas tuduhan syak melakukan perbuatan tidak bermoral atas tuduhan khalwat berdasarkan peruntukkan tersebut seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah

Syariah(Takzir) (Terengganu) 2001. Oleh yang demikian tuduhan ke atas OKT melakukan kesalahan khalwat adalah menurut undang-undang dan hukum syarak.

[23] Bagi isu kelima “Apakah dimaksudkan melakukan perbuatan tidak bermoral bagi kesalahan ini?”. HS menyatakan perbuatan tidak bermoral adalah satu diklafikasikan sebagai pemahaman uruf atau masyarakat mengambarkan perbuatan tersebut adalah tidak bermoral atau dalam pemahaman syarak ianya adalah maksiat. Maksud maksiat adalah perkara tersebut merupakan satu perbuatan yang keji dan hina pada pandangan syarak dan manusia. Adalah perbuatan khalwat ini merupakan perbuatan maksiat sebagaimana larangan oleh Allah SWT di dalam surah al-Isra’, ayat ke 32:-

وَلَا تَقْرِبُوا الزِّنَاءِ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang amat keji dan satu jalan yang amat jahat”

[24] Juga ditegaskan oleh Nabi SAW supaya jangan sesekali umatnya mendekati perbuatan khalwat ini kerana ia mengikuti jalan-jalan syaitan yang dilaknati:-

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِإِمْرَأَةٍ إِلَّا كَانَ ثَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ

Yang bermaksud:

“Tidaklah sekali-kali seorang lelaki berkhawat dengan seorang wanita, melainkan yang ketiganya adalah syaitan(yang direjam dan dilaknati).”

[25] Merujuk kepada fakta kes ‘P1’, “Bertindak atas maklumat, pengadu bersama beberapa orang rakan setugas telah membuat serbuan berwaran pada 00.7.20XX, ke atas sebuah bilik No.999, Kerteh Damansara Inn, 24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu. Lebih kurang jam 1.15 pagi, pengadu telah berada di hadapan bilik. Keadaan pintu bilik tertutup dan berkunci. Pengadu bertindak mengetuk pintu serta memberi salam. Lebih kurang 5 minit, pintu dibuka dari dalam oleh seorang lelaki. Pengadu memperkenalkan diri dan meminta izin masuk untuk melakukan pemeriksaan. Hasil pemeriksaan mendapati ada seorang perempuan sedang berada di dalam bilik tersebut. Soal siasat yang dilakukan, pengadu dapati mereka berdua tiada hubungan suami isteri atau mahram”.” Perbuatan OKT bersama dengan pasangannya adalah satu perbuatan yang melampaui batas, tindakan merancang berada di dalam bilik hotel, membuat tempahan dengan wang ringgit, membuat tempahan pada tarikh yang dirancang bagi mengelakkan daripada pengetahuan orang awam, keluarga dan kenalan, tangkapan pada lewat malam. Ini semuanya memberi kefahaman bahawa perbuatan OKT bersama dengan pasangannya yang bukan mahram adalah satu perbuatan yang sememangnya tidak bermoral dan dianggap satu perbuatan maksiat yang menyalahi undang-undang dan hukum syarak.

[26] Bagi menjawab persoalan yang ketiga “Bagaimakah HS mensabitkan bersalahnya seseorang OKT bertepatan menurut undang-undang dan hukum syarak?” adalah berdasarkan kepada pengakuan salah OKT atau dinamakan sebagai *iqrar*.

[27] Menurut hukum syarak pengakuan atau *iqrar* OKT merupakan hujah dan bukti yang paling kuat dan kukuh dalam konteks pembuktian kerana kebanyakkan hak atau kepentingan tidak boleh dibuat kesaksian atau dikemukakan bukti bertulis bagi memperakuinya atau membuktikan kewujudannya. *Iqrar* sebagaimana di dalam teks syarak, karangan Al-‘Allamah Abi Bakr Othman bin Muhammad Shatta al-Dumyati, *I'aanah al-Thalibin* menyatakan bahawa:-

هُوَ لِغَةُ الْإِثْبَاتِ وَشَرِعًا اخْتِيَارُ الشَّخْصِ بِحَقِّ عَلَيْهِ وَيُسَمِّي اعْتِرَافًا

Terjemahannya:

“*Iqrar* dari segi bahasa bermaksud mensabitkan, manakala dari segi istilah bermaksud memberitahu hak seseorang atas dirinya, juga dinamakan sebagai satu pengiktirafan”

[28] Telah menjadi kesepakatan dan ijmak para ulamak bahawa *iqrar* adalah satu cara pembuktian yang boleh diterima pakai di Mahkamah sebelum dijatuahkan hukuman ke atas tertuduh. Ini juga berdasarkan kepada firman Allah SWT di dalam surah an-Nisa’, ayat 135:-

بِأَئِيمَةِ الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا فَرَّاقِيْمَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءِ اللَّهِ وَلَنْ عَلَى أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبَيْنِ ۝ إِنْ يَكُنْ عَنِّيْا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَى بِهِمَا ۝ فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَى أَنْ تَعْدُلُوا ۝ وَإِنْ تَلُوْرُوا أَوْ ثُرُضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيرًا

Yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi karena Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu karena ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan”

[29] Berdasarkan kepada peruntukan seksyen 17, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Seksyen 17. Iqrar ditakrifkan.

(1) Iqrar ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.

(2) Sesuatu iqrar hendaklah dibuat-

- (a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau
 - (b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang 'aqil, balih dan 'adil.
- (3) Sesuatu iqrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah qarinah.

[30] Juga sebagaimana dijelaskan lagi di bawah seksyen 18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Seksyen 18. Kebolehterimaan iqrar.

- (1) Iqrar yang berikut tidak boleh diterima:
 - (a) iqrar seseorang yang tidak 'aqil baligh;
 - (b) tertakluk kepada subseksyen (2), iqrar orang belum dewasa;
 - (c) iqrar orang gila atau orang terencat akal (ma'tuh) ;
 - (d) iqrar wali atau penjaga yang dibuat bagi pihak seseorang yang dibawah jagaan atau tanggungjawabnya;
 - (e) iqrar yang tidak dibuat secara sukarela; atau
 - (f) iqrar seseorang yang dihalang di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mentadbirkan hartanya (Mahjur 'alaih)
- (2) Iqrar yang dibuat oleh seseorang orang belum dewasa yang mumayyiz yang telah dibenarkan oleh wali atau penjaganya untuk menjalankan apa-apa perniagaan atau urusan boleh diterima setakat yang iqrar itu adalah berhubungan dengan perniagaan atau urusan itu.
- (3) Pihak yang mendapat faedah daripada sesuatu iqrar tidaklah semestinya seorang yang 'aqil baligh.

Huraian -Jika orang yang membuat iqrar menyatakan bahawa barang atau harta adalah bagi faedah orang belum dewasa yang belum mumayyiz, iqrarnya boleh diterima dan orang yang membuat iqrar itu adalah terikat dengan pernyataannya.

[31] Keperincian *iqrar* ini juga dinyatakan di dalam teks syarak, karangan As-Sheikh Shamsuddin Muhammad bin Ahmad as-Syarbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, menyatakan bahawa

واركانه اربعه مقر و مقر له وصيغة و مقر به

Terjemahannya:

“ Rukun iqrar itu ada empat perkara iaitu muqirrun (orang yang melafazkan iqrar), muqarrunlahu (orang/pihak yang diberikan iqrar untuknya oleh pembuat iqrar), sighah (ucapan atau kata-kata iqrar), dan muqirrun bihi (hak atau kepentingan yang diiktiraf oleh orang yang beriqrar).”

[32] Berdasarkan kepada keterangan *iqrar* pengakuan salah OKT di dalam keterangannya, setelah mana ditanya berulang kali, samada OKT semasa ingin membuat pengakuan bersalah, dalam keadaan sedar, waras, sihat, secara sukarela, tiada paksaan, ingin terlebih dahulu mendapatkan nasihat PS supaya benar-benar memahami sifat, akibat dan kesan pertuduhan ke atas OKT. Mahkamah dapati OKT telah diberi pemahaman dan peluang untuk membuat keputusan. Seterusnya OKT tetap dan menyatakan bahawa OKT mengaku bersalah dan membuat *iqrar* di hadapan HS di dalam dewan Mahkamah di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman, Terengganu. Ianya *iqrar* pengakuan salah OKT bertepatan dengan hukum syarak dan undang-undang dan HS mensabitkan OKT bersalah atas tuduhan khalwat ke atasnya dan OKT layak dihukum oleh Mahkamah.

[33] Bagi menjawab persoalan yang keempat “*Bagaimakah HS menentukan ukuran, kadar dan pilihan hukuman ke atas OKT bertepatan menurut undang-undang dan hukum syarak*”. Adalah kesalahan yang dilakukan oleh OKT merupakan satu kesalahan yang dikategorikan di dalam hukuman takzir. Hukuman Takzir sebagaimana dijelaskan di dalam teks syarak, karangan Dr. Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Juz 6, Hlm.197 menyatakan bahawa:-

وهو شرعا العقوبة المنشورة على معصية أو جنائية لا حد فيها ولا كفارة سواء أكانت الجنائية على حق الله تعالى كالأكل في نهار رمضان بغير عذر وترك الصلاة في رأي الجمهور والربا وطرح النجاسة ونحوها في طريق الناس ونحوها أم على حق العباد ك مباشرة الأجنبية فيما دون الفرج وسرقة ما دون النصاب أو السرقة من غير حرز وخيانة الأمانة والشوة أو القذف بغير الزنى من أنواع السب والضرب والإيذاء بأي وجه مثل أن يقول الرجل لآخر يا فاسق يا خبيث يا سارق يا فاجر يا كافر يا أكل الربا يا شارب الخمر ونحوها

Terjemahannya:

“Dari segi syaraknya takzir diertikan sebagai pembalasan yang disyariatkan kerana sesuatu maksiat atau kesalahan jenayah yang tidak ada peruntukan pembalasan had dan kaffarah sama ada ia berkaitan dengan hak Allah atau hak manusia. Hak Allah seperti, makan pada siang hari dalam bulan Ramadhan tanpa uzur, meninggalkan sembahyang menurut Jumhur, mengamalkan riba, melempar najis dan seumpamanya di jalanan yang dilalui oleh manusia dan lain-lain lagi. Hak manusia pula seperti, bersenggama antara pasangan yang tidak bernikah selain pada kemaluan perempuan, mencuri barang pada kadar yang tidak cukup nisab (bagi dikenakan hukuman had), mencuri harta benda dalam simpanan, mengkhianati amanah dan rasuah, melemparkan tuduhan melulu kepada seseorang selain tuduhan berzina yang terdiri daripada pelbagai jenis maki hamun, pukulan dan penghinaan dengan apa cara sekali pun. Umpamanya seseorang berkata kepada seseorang lain, “Wahai orang fasiq,” “Wahai pengotor,” “Wahai pencuri,” “Wahai kafir,” “Wahai orang jahat,” “Wahai pemakan riba,” “Wahai peminum arak,” dan sebagainya.”

[34] Juga dijelaskan di dalam teks syarak, karangan Dr. Abdul Aziz Aamir, *At-Takzir fi al-Syariah al-Islamiah*, hlm. 52 menyatakan bahawa;

ويعرفه الفقهاء بأنه عقوبة غير مقدرة تحب حقا الله أو لأدمي في كل معصية ليس فيها حد ولا كفاره
وهو كالحدود في أنه تأديب استصلاح وجز

Terjemahannya:

“Fuqaha mentakrifkan takzir sebagai satu pembalasan yang tidak ditetapkan kadarnya, diwajibkan sama ada sebagai hak Allah atau hak manusia, di dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan had (hudud) dan kaffarah, mempunyai tujuan yang sama seperti pembalasan had (hudud), iaitu memberikan pengajaran (ta’dib), mengadakan pemulihan (islah) dan mewujudkan ingatan yang menakutkan (zajr).”

[35] Adalah OKT, telah ditangkap atas melakukan kesalahan berkhawat berdua-duaan dengan seorang lelaki yang tidak halal kepadanya, di dalam sebuah bilik hotel, pada lewat malam berdasarkan kepada ‘P1’ menyatakan bahawa “*Bertindak atas maklumat, pengadu bersama beberapa orang rakan setugas telah membuat serbuan berwaran pada 00.7.20XX, ke atas sebuah bilik No.999, Kerteh Damansara Inn, 24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu. Lebih kurang jam 1.15 pagi, pengadu telah berada di hadapan bilik. Keadaan pintu bilik tertutup dan berkunci. Pengadu bertindak mengetuk pintu serta memberi salam. Lebih kurang 5 minit, pintu dibuka dari dalam oleh seorang lelaki. Pengadu memperkenalkan diri dan meminta izin masuk untuk melakukan pemeriksaan. Hasil pemeriksaan mendapati ada seorang perempuan sedang berada di dalam bilik tersebut. Soal siasat yang dilakukan, pengadu dapati mereka berdua tiada hubungan suami isteri atau mahram*”

[36] Adalah OKT, telah secara sengaja melanggar arahan dan larangan Allah SWT sebagaimana di dalam al-Quran di dalam surah al-Isra’, ayat 32 menyatakan bahawa:-

وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَاءِ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang amat keji dan satu jalan yang amat jahat”

[37] Adalah OKT juga secara sengaja melanggar arahan dan larangan Nabi SAW sebagaimana di dalam Hadith menyatakan bahawa:-

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِإِمْرَأَةٍ إِلَّا كَانَ ثَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ

Yang bermaksud:

“Tidaklah sekali-kali seorang lelaki berkhawat dengan seorang wanita, melainkan yang ketiganya adalah syaitan(yang direjam dan dilaknat).”

[38] Adalah tindakan OKT melanggar arahan, larangan dan perintah daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW adalah satu perbuatan yang dikategorikan orang yang ingkar dan wajib untuk dikenakan hukuman. Bahkan di dalam al-Quran, surah al-Ahzab, ayat 57 menyatakan bahawa:

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذِنُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ لَعَنْهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعْدَ اللَّهُمْ عَذَابًا مُهِبًا

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang yang menyakiti Allah s.w.t dan Rasul-Nya, Allah s.w.t. akan melaknatinya di dunia dan di akhirat, dan Allah s.w.t. menyediakan baginya seksa yang menghinakan.”

- [39] Juga akan perbuatan OKT ini ditegaskan lagi di dalam al-Quran, surah al Ahzab ayat ke 36 :

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخَيْرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksudnya :

"Dan tidaklah layak bagi orang yang beriman samada lelaki atau perempuan, apabila telah ditetapkan oleh Allah swt dan RasulNya akan sesuatu perkara, bahawa ia membuat pilihan yang lain selain dari apa yang telah ditetapkan oleh Allah dan RasulNya. Barangsiapa yang mengingkari Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan suatu kesesatan yang nyata."

- [40] Maka dapatlah difahami bahawa perbuatan OKT ini yang melanggar ketetapan yang digariskan oleh Syarak merupakan satu kesalahan, dan sebagaimana keterangan OKT yang lepas menyatakan bahawa dia faham akan kesan dan akibat daripada tuduhan di bawah seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Takzir)(Terengganu) 2001 iaitu : "jika disabitkan bersalah boleh didenda tidak melebihi RM3,000.00 denda atau dipenjaran tidak melebihi 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali". Oleh yang demikian HS menyatakan sekali lagi bahawa sebagaimana dinyatakan di dalam al-Quran, Surah al-Nur , ayat 24 menyatakan bahawa :

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمُ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

“Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak ke pada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: Kami dengar dan kami taat: dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan”

- [41] Adalah hukuman takzir ini, apa yang tidak ditentukan di dalam hukuman hudud dan qisas. Adalah sebagaimana dilakukan oleh Nabi SAW di dalam Hadith iaitu:

عَنْ أَبْنَى عَمْرَ أَنَّ النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- ضَرَبَ وَغَرَبَ، وَأَنَّ أَبَا بَكْرَ ضَرَبَ وَغَرَبَ، وَأَنَّ عَمْرَ ضَرَبَ وَغَرَبَ.

[صحيح.] - [رواہ الترمذی].

Terjemahannya:

“Daripada Ibnu Umar RA- “Bahawa Nabi SAW. pernah memukul (mengenakan hukuman ta’zir dengan memukul penjenayah-penjenayah) dan membuang negeri (mereka yang selalu melakukan jenayah yang bukan kes hudud) Khalifah Abu Bakar dan Umar pernah juga menyebat dan membuang negeri mereka yang selalu melakukan jenayah yang bukan kes hudud (sebagai mana yang pernah dilakukan oleh Nabi s.a.w.)” (Riwayat tarmizi dan Hakim ”

[42] HS berpandangan bahawa untuk menentukan ketetapan hukuman kepada OKT ini selepas mana, OKT telah diberi ruang dan peluang untuk mengemukakan rayuan, ditanya untuk mendapatkan khidmat PS walau bagaimana pun OKT enggan untuk mendapatkan nasihat dan khidmat PS. OKT dalam rayuannya hanya menyatakan dalam keadaan bersahaja, menyatakan seoalah-olah kesalahan yang dilakukan OKT merupakan kesalahan trafic atau apa-apa kesalahan sivil yang tidak melibatkan hak kepentingan Allah, hak Rasulullah, hak Agama Islam, hak manusia, hak keturunan manusia, hak maruah manusia. Di dalam rayuan OKT hanya menyatakan : “”. HS berpandangan OKT seharusnya dikenakan satu hukuman yang dapat memberi pengajaran dan teladan kepada OKT sendiri bahkan kepada masyarakat.

[43] Bagi menentukan ketetapan hukuman kepada OKT, HS merujuk kepada karangan Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abd Rahman (Mantan Ketua Hakim Syari’e Malaysia), *Proses penghakiman dan menjatuhkan keputusan di Mahkamah Syariah : satu penilaian*, di dalam JH XIX/II (1426H) 189, hal. 199-200 menyatakan bahawa;

“Faktor-faktor memberatkan hukuman dan meringankan hukuman yang mana boleh diketahui semasa rayuan meringankan hukuman atau “mitigation”. Biasanya sebelum hukuman dijatuhkan terutama dalam kes jenayah Syariah, Hakim Syari’e akan memerhatikan faktor yang memberatkan hukuman dan faktor yang meringankan hukuman. Setelah kedua-dua faktor itu diambil kira dan ditimbangkan, barulah hukuman dijatuhkan. Secara tersurat, inilah asas pertimbangan Hakim-Hakim Syari’e sebelum hukuman dijatuhkan. Selalunya antara faktor yang boleh meringankan hukuman ialah pengakuan bersalah dan pernyataan taubat, pesalah bawah umur, rekod peribadi yang baik, kesan hukuman terhadap kesihatan pesalah dan kesalahan pertama kali dilakukannya. Manakala faktor-faktor yang boleh memberatkan hukuman pula ialah rekod buruk pesalah, taraf perkahwinannya, taraf pesalah di dalam masyarakat dan kedudukannya yang tinggi, kekerapan kesalahan dilakukan dan penggunaan kekerasan dan keganasan semasa melakukan kesalahan”

[44] Oleh yang demikian, HS menyatakan , bagi menentukan faktor peringangan di dalam kes OKT ini, OKT sememangnya membuat pengakuan bersalah secara segera tanpa berhasrat untuk menukar pengakuan tidak bersalah dan pohon untuk dibicarakan. Kesan daripada pengakuan salah OKT memberi penjimatan kos masa dan apa-apa kos lain daripada kos untuk sesuatu kes dibicarakan yang memerlukan kepada kos masa yang lama, kos kehadiran saksi-saksi Pendakwaan, dan apa-apa kos yang terlibat.

[45] Bagi faktor peringanan seterusnya, pernyataan taubat. OKT tidak ada menyatakan di dalam keterangan rayuannya, bahkan HS menyatakan bahawa sememangnya tidak mempunyai paksaan dan halangan untuk OKT mengemukakan kebebasan rayuan, menangguhan rayuan, memohon rayuan setelah mendapat nasihat dan khidmat Peguam Syarie. Akan tetapi OKT pada hari yang sama pertuduhan dibacakan pohon diselesaikan prosiding pada hari yang sama dan rayuan yang dinyatakan hanyalah: “1.saya pohon diringankan hukuman denda. 2. Saya pohon dikecualikan hukuman penjara. 3. Saya pohon tidak dihantar ke pusat pemulihan. 4. Saya menamatkan rayuan saya pada hari ini dan pohon dibacakan hukuman ke atas saya pada hari ini.”

[46] Faktor peringanan pesalah muda, HS mendapati OKT baru berusia **23 tahun**. Had umur pesalah muda adalah berusia 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun, sebagaimana dinyatakan di dalam peruntukan seksyen 2 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 iaitu:-

Seksyen 2. Tafsiran.

- (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain- "pesalah muda" ertinya seseorang pesalah yang berumur lebih daripada sepuluh tahun dan kurang daripada enam belas tahun;

[47] Bahkan ada dinyatakan secara khusus hukuman bagi pesalah muda ini, sebagaimana di dalam seksyen 128 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 iaitu:-

Seksyen 128. Pesalah muda.

- (1) Apabila mana-mana pesalah muda disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman denda atau penenjaraan, Mahkamah itu hendaklah, sebagai ganti apa-apa tempoh penenjaraan kerana keingaran membayar denda atau hukuman penenjaraan-
- (a) memerintahkan pesalah itu dilepaskan selepas teguran wajar diberikan jika difikirkan patut oleh Mahkamah; atau
- (b) memerintahkan pesalah itu diserahkan kepada ibu atau bapa atau penjaganya atau saudara dewasanya yang terdekat atau kepada mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah, apabila ibu atau bapa, penjaga, waris atau orang lain itu menyempurnakan bon dengan penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh Mahkamah, bahawa dia akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah itu selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan atau, tanpa menghendaki mana-mana orang mengikat apa-apa bon, membuat suatu perintah berkenaan dengan pesalah itu yang memerintahnya supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan mengandungi apa-apa arahan kepada pesalah itu mengikut jenis syarat-syarat yang disebut dalam perenggan 130 (a), (b) dan (c) yang difikirkan oleh Mahkamah itu patut diberikan.

- (2) Mahkamah yang dihadapannya seorang pesalah muda disabitkan boleh, sebagai tambahan atau sebagai ganti menghukum pesalah itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen ini, mengenakan ke atas ibu atau bapa atau penjaganya denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit dalam mana-mana kes yang Mahkamah itu, selepas siasatan ringkas, berpuas hati bahawa ibu

atau bapa atau penjaga itu telah, dengan sebab mereka cuai dalam menjaganya dengan yang sepatutnya atau selainnya, menyumbang kepada salah laku pesalah itu:

Dengan syarat bahawa tiada ibu atau bapa atau penjaga boleh didenda tanpa dia diberi peluang untuk didengar dan, jika dia berhasrat demikian, mengemukakan keterangan untuk membela dirinya.

[48] HS tidak mendapati apa-apa rekod peribadi yang baik daripada OKT semasa keterangan rayuan dinyatakan oleh OKT.

[48] HS menyatakan bahawa kesan hukuman terhadap kesihatan OKT juga tidak memberi kesan keseriusan dan sekiranya OKT dijatuhkan hukuman ke penjara juga tidak menjadi faktor halangan kerana HS mendapati OKT seorang yang sihat daripada penyakit yang merbahaya, penyakit yang berjangkit, kesan mudharat dan memberi kecacatan kepada OKT. HS menyatakan sekali lagi, OKT semasa keterangan rayuannya tidak menyatakan dokumen pengesahan pegawai perubatan mengesahkan OKT seorang yang ada mempunyai apa-apa kesan sekiranya hukuman penjara atau dihantar ke pusat pemulihan wanita dijatuhkan terhadap OKT.

[49] HS menyatakan bahawa adalah tuduhan ke atas OKT merupakan kesalahan kali pertama, ia bergantung kepada keterangan yang dibawa oleh pihak pendakwaan untuk membuat hujahan pemberatan kepada OKT. Walaubagaimana pun di dalam keterangan rayuan OKT, tidak menyatakan secara bersungguh-sungguh dan serius bahawa ini adalah kesalahan pertama yang dilakukannya, akan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan ini secara berulang dan akan menjadi seorang yang baik dan patuh kepada undang-undang dan hukum syarak.

[50] Manakala penilaian kepada faktor pemberatan pula, mengenai rekod buruk OKT dan taraf perkahwinan OKT. OKT seorang janda yang telah mempunyai rekod perkahwinan lampau. HS berpandangan bahawa perbuatan sengaja OKT dan pasangannya menempah bilik hotel, merancang berdua-dua di waktu yang ditetapkan, membuat bayaran untuk bermalam di hotel tersebut, tidak mempunyai apa-apa hubungan yang halal mereka berdua merupakan satu perbuatan amat buruk dilakukan oleh OKT dan pasangannya. Adalah diakui oleh OKT bahawa dia seorang yang tidak mempunyai rekod perkahwinan, samada isteri orang atau janda. Sebagaimana dijelaskan oleh al-Quran, di dalam surah an-Nur, ayat 2 iaitu:-

الرَّانِيُّ وَالرَّانِيُّ فَاجْلُدُوا كُلَّنَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةَ جَلْدٍ ۝ وَلَا تَأْخُذُوهُمْ بِهِمَا رَأْفَةً فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ ثُوْمَنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمُ الْآخِرُ ۝ وَلَيُشَهِّدَ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya:

Perempuan(tidak berkahwin) yang berzina dan laki-laki(tidak berkahwin) yang berzina, maka pukul tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali rotan, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah,

dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman.

[51] Andailah sekiranya hukuman hudud dilaksanakan dan OKT boleh disabitkan dengan kesalahan berzina maka hukumannya tidak lain dan tidak bukan adalah rejam sampai mati. Sebagaimana di jelaskan oleh hadith bagi mana-mana perempuan dan lelaki yang ada berkahwin iaitu samada isteri, janda, suami atau duda, hukuman mereka adalah direjam sampai mati sebagaimana hadith Nabi SAW menyatakan bahawa:-

حديث أنه صلى الله عليه وسلم رجم ماعزا وقد أحسن هو في الصحيحين عن أبي هريرة فقال له هل أحسنت؟ قال : نعم ، وكذلك للبخاري عن جابر.

Maksudnya:

“Hadith yang menceritakan bahawa Rasulullah merejam Ma’iz dan dia adalah seorang yang telah berkahwin diriwayatkan di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah. Dan ditanya, apakah dia (Ma’iz) telah berkahwin, dia menjawab: Ya. Begitu juga hadith yang sama diriwayatkan oleh Jabir. (Ibn Hajar, Fath al-Bari).

[52] Bagi faktor pemberatan seterusnya, taraf pesalah di dalam masyarakat dan kedudukan yang tinggi. HS tidak mendapati sesuatu perkara yang menyatakan status OKT ini, OKT tidak mempunyai pekerjaan sebagaimana di dalam fakta kes ‘P1’. HS berpandangan OKT seorang masyarakat biasa yang tidak mempunyai apa-apa keistimewaan dan kedudukan yang tinggi dalam masyarakat.

[53] Faktor pemberatan kekerapan yang dilakukan oleh OKT, HS menyatakan sekali lagi bahawa OKT sebagaimana maklumat yang ada di hadapan HS adalah OKT merupakan kesalahan kali pertama dan HS boleh mengenakan apa-apa hukuman yang patut kepada OKT berdasarkan kepada pandangan HS.

[54] Manakala faktor pemberatan yang digariskan terakhir adalah penggunaan kekerasan dan keganasaan semasa melakukan kesalahan. HS mendapati sebagaimana di dalam fakta kes ‘P1’ menyatakan bahawa:

“Bertindak atas maklumat, pengadu bersama beberapa orang rakan setugas telah membuat serbuan berwaran pada 00.7.20XX, ke atas sebuah bilik No.999, Kerteh Damansara Inn, 24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu. Lebih kurang jam 1.15 pagi, pengadu telah berada di hadapan bilik. Keadaan pintu bilik tertutup dan berkunci. Pengadu bertindak mengetuk pintu serta memberi salam. Lebih kurang 5 minit, pintu dibuka dari dalam oleh seorang lelaki. Pengadu memperkenalkan diri dan meminta izin masuk untuk melakukan pemeriksaan. Hasil pemeriksaan mendapati ada seorang perempuan sedang berada di dalam bilik tersebut. Soal siasat yang dilakukan, pengadu dapat mereka berdua tiada hubungan suami isteri atau mahram”

Keterangan diri mereka sebagaimana berikut:

Nama Lelaki: Jsjs bin Momomo, KP:888888-11-9999, Umur: 23 tahun

Alamat: No.999, Rumah Kos Rendah, Bandar Ketengah Jaya, 23300 Dungun, Terengganu

Pekerjaan: Tiada Status: Belum Berkahwin

Nama Perempuan: Abcde binti Pqrst, KP: 000011-11-50XX, Umur: 23 tahun
Alamat: 000, Taman Wan Adnan, Kerteh, 24300, Kemaman, Terengganu
Pekerjaan: Jurujual, Status: Janda

[55] Oleh yang demikian adalah OKT dan pasangannya melakukan satu kesalahan yang amat serius yang mana OKT dan pasangannya telah didapati sengaja dan secara sukarela mengikut hawa nafsu untuk menempah bilik hotel, merancang berdua-dua di waktu yang ditetapkan, membuat bayaran untuk bermalam di hotel tersebut, tidak mempunyai apa-apa hubungan yang halal mereka berdua merupakan satu perbuatan amat buruk dilakukan oleh OKT dan pasangannya. Adalah diakui oleh OKT bahawa dia seorang yang tidak mempunyai rekod perkahwinan, samada isteri orang atau janda.

[56] Objektif pencegahan hukuman kepada kesalahan yang dilakukan oleh OKT ini memberi pencegahan kepada masyarakat secara keseluruhannya. Ini kerana sesuatu hukuman mempunyai unsur-unsur kesakitan, kesusahan, keperitan dan dukacita yang membuat manusia berasa takut menghadapinya. Manakala ia juga untuk pemulihan bagi OKT yang melakukan maksiat ini. Pencegahan ini bermatlamat untuk mengenakan hukuman ke atas OKT yang melakukan jenayah dan yang lebih penting mencegah OKT dari mengulangi kesalahan yang sama dan kesalahan-kesalahan yang lain di masa hadapan dan sekaligus mengembalikan OKT kepada jalan yang benar dan diredhai oleh Allah SWT dan RasulNya. Bagi mencapai matlamat pencegahan ini, hukuman yang dikenakan mestilah sesuai dengan kesalahan yang dilakukan.

[57] Dapat disimpulkan, bahawa pencegahan merupakan matlamat utama sesuatu kesalahan. Dengan itu menjadi tanggungjawab utama Mahkamah ini bagi memastikan setiap hukuman yang dikenakan ke atas OKT dapat mencapai matlamat tersebut.

[58] Kesalahan melakukan perbuatan sebagai khalwat yang mana OKT seorang perempuan yang seharusnya mempunyai maruah diri yang tinggi, tidak wajar berpakat bersama dengan pasangan lelakinya berdua-duaan, menempah bilik hotel, merancang melakukan perbuatan tidak bermoral adalah merupakan kesalahan yang amat serius dan berat sepertimana yang dijelaskan oleh hukum syarak dan undang-undang. Ini dapat dilihat berdasarkan hukuman yang boleh dijatuhkan iaitu, pesalah boleh dihukum dengan hukuman maksima sesuai dengan bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah ini.

[59] HS berpandangan, besar atau kecil kesalahan adalah bergantung kepada kesan yang diterima oleh masyarakat daripada perspektif kesalahan ini. Media massa di Malaysia sentiasa menyiarkan berita-berita mengenai kesalahan seupama kesalahan yang dilakukan oleh OKT dan pasangannya iaitu perbuatan yang boleh menghampiri kepada perbuatan yang tidak bermoral. Akan tetapi keadaan tersebut tidak berjaya menyedarkan masyarakat, apatah lagi memberi ketakutan dan kegeruan kepada masyarakat. Mungkin masyarakat merasakan kebiasaan kesalahan ini hanyalah setakat denda sahaja, tanpa merasakan akan tanggungjawab mengalas perintah Allah SWT supaya jangan sesekali mendekati perbuatan zina, dan mengesyorkan anjuran kepada mempersepatkan kepada perkahwinan. Adalah perkahwinan pada akhir akhir zaman ini, masyarakat memberatkan untuk melaksanakan pensyariatan yang mulia ini, dan sanggup untuk mengadai maruah dan agama untuk mendekatkan diri kepada perbuatan yang menghampiri kepada zina ini.

[60] Mahkamah menyatakan adalah kesan kepada masyarakat dan individu yang bersuka-suka untuk menghampiri perbuatan yang boleh mendekatkan diri kepada perbuatan zina ini sebagaimana dinyatakan oleh Al-'Allamah Sayyid 'Abdur Rahman bin Muhammad bin Husain bin 'Umar Ba 'Alawi al-Hadhrami, *Bughyah al-Mustarsyidin fi Talkhish Fatawa Ba'dh al-Aimmah al-Muta-akhkhirin*, Dar al-Kutub Ilmiyyah, Edt 5, 2016, hlm.397. mengenai betapa serius dan amat besar kesan keburukkannya bukan sahaja kepada individu, masyarakat bahkan kepada negara:-

ملخصة مع زيادة من الإكسير العزيز للشريف محمد بن أحمد بن عنقاء في حديث: الولد للفراش الخ، إذا كانت المرأة فراشاً لزوجها أو سيدتها فأنت بولد من الزنا كان الولد منسوباً لصاحب الفراش لا إلى الزاني، فلا يلحقه الولد ولا ينسب إليه ظاهراً ولا باطناً وإن استلحقه، ومن هنا يعلم شدة ما اشتهر أنه إذا زنى شخص بأمرأة وأحبلها تزوجها واستلحق الولد فورثه وورثه زاعماً سترها، وهذا من أشد المنكرات الشنيعة التي لا يسع أحداً السكوت عنها، فإنه خرق للشريعة ومنابذة لأحكامها، ومن لم يزله مع قدرته بنفسه وماليه فهو شيطان فاسق ومداهن منافق، وأما فاعله فكاد يخلع رقبة الإسلام لأنه قد أعظم العناد لسيد الأنام، مع ما ترتب على فعله من المنكرات والمجامد، منها حرمان الوراثة وتوريث من لا شيء له مع تخليد ذلك في البطنون بعده، ومنها أنه صير ولد الزنا باستلحاقه كابنه في دخوله على محارم الزاني، وعدم نقض الموضوع بمسنهنّ أبداً، ومنها ولاته وتنزويجه نساء الزاني كبناته وأخواته ومن له عليها ولالية من غير مسوغ فيصير ناكحاً بلا ولية، وهذه أعظم وأشنع، إذ يخلد ذلك فيه وفي ذريته، ويله فما كفاه أن ارتكب أفحش الكبائر حيث زنى حتى ضم إلى ذلك ما هو أشد حرمة منه وأفحش شناعة، وأي ستر وقد جاء شيئاً فرياً، وأحرم الوراثة وأبقاء على كرور الملوين، وكل من استحل هذا فهو كافر مرتد خارج عن دين الإسلام، فيقتل وتحرق جيفته أو تلقى للكلاب، وهو صائر إلى لعنة الله وعذابه الكبير، فيجب مؤكداً على ولادة الأمور زجر فاعلي ذلك وتنكيلهم أشد التكيل وعقابهم بما يروعهم، وقد علم بذلك شدة خطر الزنا وأنه من أكبر الكبائر.

Terjemahannya:

“satu kesimpulan, bersama penambahan daripada teks syarak ‘al-Iksir al-‘Aziz, karangan as-Syarif Muhammad bin Ahmad bin ‘Anqa’ pada al-Hadith: “seseorang anak itu daripada mana hamparan(perkahwinan)....jika seseorang perempuan menjadi tempat hamparan(perkahwinan) kepada suaminya atau tuannya, tiba-tiba perempuan ini melahir anak zina, maka anak yang lahir ini dinisbahkan kepada tuan hamparan(suaminya atau tuannya)..bukan kepada lelaki zina tersebut..maka tidak boleh anak ini dibinkan kepada lelaki penzina tersebut, dan tidak boleh dinisbahkan kepada lelaki penzina ini secara zahir atau secara batin..walaupun lelaki penzina tersebut minta untuk dibinkan kepadanya. Dari sinilah dapat diketahui bahawa ia adalah sangat berat apabila berlakunya seorang lelaki berzina dengan seorang perempuan, lalu dia menyebabkan perempuan ini mengandung, dia menikahi perempuan ini, lalu dia minta anak ini dibinkan kepadanya, lalu di mewarisi hartanya(anak zina tersebut) dan di memberi warisan kepada anaknya, dalam keadaan dia ingin menutup aib perbuatan zina tersebut(aib isterinya yang melahirkan anak zina), ini seberat-berat perkara mungkar yang sangat keji, yang tidak layak seseorang awam berdiam diri akan perkara ini. Adalah ia mencarikkan syariat, melompangkan segala hukum-hakamnya. Orang yang tidak cuba untuk menghilangkan perkara mungkar ini dengan kuasanya, dengan hartanya, maka dia adalah seorang digelar syaitan yang fasiq, pengampu, lagi munafiq. Maka sesiapa yang melakukannya hampirlah dia mencabut gelaran dia sebagai seorang Islam(hampir-hampir dia keluar daripada agama untuk menjadi kafir), kerana dia telah melakukan perkara besar dan dusta kepada penghulu manusia(Nabi Muhammad saw), dengan apa yang terhasil daripada perbuatannya yang mungkar dan keji iaitu:

1. Mengharamkan ahli waris daripada pusaka
2. Mewariskan seseorang yang tiada ada hak bahagian pusaka
3. Kekal anak zina ini dalam kelompak ahli waris(berkekalan mengalir harta pusaka bukan hak)
4. Menjadi anak zina kerana berbinkan bapa zina seperti anak dia sendiri
5. Akan ada masalah kepada orang-orang yang mahram bersama dengan anak zina
6. Dan (masalah) batal wuduk dengan menyentuh anak zina ini perpanjangan
7. Bapa zina menikahkan anak zina ini(bapa zina jadi wali), dan
8. Saudara bapa zina jadi wali kepada anak zina ini

9. Dan orang-orang yang menjadi wilayah kepada wali anak zina ini tanpa sebab syarie
10. Dan jadilah nikah anak zina ini sebenarnya tidak ada wali(akan timbul masalah kemudian)
11. Inilah akan terjadi lagi berat lagi teruk
12. Akan kekal pada diri bapa zina, anak zina dan keturunan zina(keturunan anak haram)
Celakalah baginya, tidak cukupkah dia melakukan dosa besar dan terus merebak kesan dosa besar tersebut dengan sebab dia melakukan dosa zin. Adakah tidak cukup lagi, sehingga dia tambah dosa dan keburukan yang lain, dosa yang hina lagi keji.layakkah semua ini untuk menutup aib?...bahkan dia melakukan perkara dusta yang besar, dia melakukan pengharaman kepada perwarisan, dia mengekalkan kekejadian ini siang dan malam. Maka siapa yang menghalalkan perbuatan menghalalkan anak zina boleh dibinkan kepada bapa zina adalah kafir(kerana menghalalkan yang haram), murtad, keluar agama Islam..dan hendaklah orang ini dibunuh, dibakar bangkai mayat ini, atau diberi makan kepada anjing-anjing..orang-orang ini mengundang kepada laksat Allah swt. Dan akan mendapat azab yang besar lagi pedih..maka wajib ditekankan dan diberatkan hukuman oleh pemerintah..memberi amaran orang kepada orang yang melakukan perbuatan haram ini, dan memberi hukuman siksaan yang menyakiti kepada orang-orang ini..beratkan hukuman kepada orang-orang ini..dan memberi hukuman yang menakutkan mereka..maka dapatlah mengetahui bahawa besarnya dosa zina dan kesannya yang mana merupakan sebesar-besarnya dosa besar.”

[61] Juga sebagaimana yang dinyatakan oleh, Dr.Hj Mat Saad Abd Rahman, *Isu-isu Dalam Masyarakat Islam di Malaysia*, hlm.203-205 menjelaskan bahawa:-

Pada umumnya, hukuman yang ditetapkan ke atas kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah atau Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri adalah didahului dengan hukuman denda sahaja, iaitu hukuman *maliyyah* dan bukannya *badaniyyah*. Keadaan begini telah mendorong Hakim-hakim di Mahkamah Syariah lebih cenderung menghukum seseorang pesalah dengan hukuman denda sahaja, seolah-olah tiada peruntukan lain sebagai pilihan kepada denda tersebut. Keadaan ini sangat membimbangkan kerana salah satu di antara tujuan hukuman adalah untuk memberi pengajaran dan pencegahan. Adakah dikhuatiri keadaan yang terus berlaku seperti sekarang ini di Mahkamah Syariah akan mengurangkan tujuan sesuatu hukuman itu diperuntukkan. Pembalasan ta'zir yang diperuntukkan di dalam Enakmen Negeri pada sebahagian kesalahan adalah menepati kehendak syarak, cuma Hakim tidak seharusnya terikat dengan pembalasan denda sahaja, kerana pembalasan ini, pada sesetengah pesalah dan masyarakat sekitar, tidak berjaya menginsafkan mereka. Oleh sebab itu adalah dicadangkan agar seseorang Hakim lebih teliti di dalam memilih hukuman yang sesuai dengan kedudukan pesalah, samada dengan cara menggabungkan di antara denda dengan penjara atau di antara denda dengan sebat atau buang daerah, tanpa memberi keutamaan kepada denda semata-mata.

[62] Mahkamah merujuk kepada keputusan kes *Mohd.Ibrahim bin Mohd Shariff lwn Pendakwa Syarie Pulau Pinang*, JH [1999] 13(2) 185, Mahkamah Rayuan Syariah (Pulau Pinang). Walaupun keputusan tersebut tidak mengikat mahkamah ini, tetapi ia haruslah dihormati. Di dalam kes ini Mohd Ibrahim telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Tinggi Syariah dengan penjara selama tiga(3) bulan dan denda RM2,000.00 atas kesalahan berkhalwat. Tidak puas dengan hukuman tersebut, Mohd Ibrahim merayu ke Mahkamah Rayuan atas hukuman tersebut. Mahkamah Rayuan di dalam keputusannya memutuskan;

“Mahkamah mendapati tiada apa-apa kesalahan dan kecacatan pada hukuman yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang dan rayuan ini ditolak dan hukuman penjara tiga(3) bulan dan denda RM2,000.00, dan jika gagal membayar denda penjara enam bulan, hukuman Mahkamah Tinggi Syariah dikekalkan”

[63] Kes lagi merujuk kepada kes, *Pendakwa Syarie lwn Jalil bin Embong dan Zaliha binti Endut*, JH[1992] 8(1) JH 99. Di dalam kes ini, Jalil bin Embong, OKT dituduh telah mencuba menyebabkan berlakunya perbuatan sumbang mahram di antara bulan Mac 2003 sehingga Mei 2003 dengan tinggal bersekediaman dan bersekedudukan dalam keadaan seperti kehidupan pasangan suami isteri dengan anak saudaranya Zaliha binti Endut(OKT2). OKT1 telah disabitkan kesalahan cuba menyebabkan perbuatan sumbang mahram di bawah seksyen 59 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001 yang dibaca Bersama seksyen 24 Enakmen yang sama di atas pengakuan salah iqrar OKT1 dan OKT2. Hakim Syarie memutuskan OKT1 dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh 1 tahun, manakala OKT 2 pula dihukum dengan hukuman denda sebanyak RM3,000.00 atau 1 tahun penjara sekiranya gagal bayar denda tersebut.

[64] HS merujuk kepada satu kes, **melibatkan kesalahan kali pertama**, keputusan tersebut diputuskan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah iaitu dengan hukuman pemenjaraan. Kes *Pendakwa Syarie Negeri Selangor lwn. Mohd Nassir bin Azmi*, JH [2016] 42(2) 296, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor telah mensabitkan OKT bersalah atas kesalahan berkhalwat, memerintahkan OKT dengan hukuman denda sebanyak RM5,000.00 atau 12 bulan penjaran sekiranya gagal bayar denda tersebut , Dan 6(enam) bulan penjara. YA Hakim mengulas menyatakan bahawa:

“Islam secara jelas mengharamkan perzinaan. Jesteru itu perkara-perkara yang boleh membawa kepada perbuatan tersebut juga dilarang keras sebagaimana yang dinyatakan di dalam ayat pengharamannya iaitu di dalam surah an-Nisa, ayat:32. Mahkamah telah memberi 2 bulan untuk OKT mengemukakan rayuan selepas tangguhan fakta kes dibacakan dan disabitkan bersalah. Walau bagaimana pun OKT tidak hadir, dan membuat rayuan dalam keadaan bersahaja, menunjukkan bahawa OKT harus diberi satu hukuman yang bermakna dan dapat memberi kesedaran kepada OKT dan masyarakat setempat agat di sesekali mendekati perbuatan khalwat ini. Walaupun ini adalah kesalahan kali pertama, hukuman ini dapat memberi kesedaran dan pengajaran bukan sahaja kepada OKT bahkan kepada masyarakat.”

[65] Selepas mana HS menimbangkan semua alasan-alasan ini, berdasarkan kepada fakta kes, OKT ditangkap di dalam sebuah bilik hotel bersama dengan pasangan lelakinya, yang mana dalam keterangan mengakui bahawa lelaki tersebut bukan mahram atau suaminya, bahkan merupakan kekasihnya, menyatakan bahawa di hadir seorang sahaja ke Mahkamah tanpa sokongan dan penjagaan penjaga, ibu bapa menunjukkan bahawa seolah-olah kesalahan ini seumpama kesalahan biasa yang tidak ada makna dalam aspek pegangan seorang Islam yang melakukan dosa besar kepada Allah SWT. Selain itu juga setelah melihat rayuan OKT dalam keadaan bersahaja dan tidak bersungguh-sungguh setelah mana Mahkamah memberi kebebasan dan peluang OKT mengemukakan rayuan dalam keadaan bersedia dan penuh keadilan supaya dapat memberi kecenderungan Mahkamah untuk mengurangkan hukuman yang sesuai sebelum dibacakan hukuman ke atasnya. Walau begitu, OKT tetap juga bersahaja dan menyatakan kepada Mahkamah supaya membacakan hukuman pada hari ini, seolah-oleh memberi maksud bahawa berapa jumlah denda yang akan dikenakan pun daripada Mahkamah, OKT seorang yang mampu untuk membayarnya.

[66] Berdasarkan kepada peruntukan seksyen 67. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, Mahkamah dapat iaitu merupakan satu pertimbangan hukuman yang paling sesuai dan bertepatan selepas mendengar seluruh keterangan sepanjang prosiding ini, yang mana OKT merupakan seorang perempuan yang disabitkan bersalah di atas tuduhan khalwat, yang juga dikategorikan di bawah bahagian IV menyatakan bahawa:-

Seksyen 68. Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan.

Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan orang perempuan sedemikian dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa tempoh pemerjaraan dikenakan sekali dengan komital itu, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun.

Hukuman

Berdasarkan alasan-alasan di atas, maka Mahkamah menghukumkan seperti berikut;

- (1) **SAYA SABIT**, OKT, Abcde binti Pqrst, KP:000011-11-50XX, bersalah di bawah seksyen 31(b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Terengganu) 2001, atas melakukan kesalahan Khalwat berdasarkan *iqrar* pengakuan salah OKT sendiri.
- (2) **SAYA HUKUM**, OKT, Abcde binti Pqrst, KP:000011-11-50XX, ditahan di pusat pemulihan wanita, di Sabak Bernam, Selangor, selama tempoh 4(empat) bulan.
- (3) **SAYA PERINTAHKAN**, hukuman tahanan ke atas OKT, Abcde binti Pqrst, KP:000011-11-50XX, dikuatkuasakan pada hari ini.
- (4) **SAYA PERINTAHKAN**, penjagaan dan penghantaran ke atas OKT, Abcde binti Pqrst, KP:000011-11-50XX, di bawah jagaan Pegawai Penguatkuasa Syariah Daerah Kemaman